

BERITA HARIAN

Pemimpin perlu sentiasa sepakat

Sultan Perak mahu kerajaan negeri terus laksana usaha pembangunan lebih pesat

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

KUALA KANGSAR: Sultan Perak Sultan Azlan Shah menasihatkan DemimDin supaya tidak bertelagah sesama sendiri sebaliknya mencari kata sepakat dalam menghadapi kemungkinan dunia berdepan pelbagai kemelut besar ekonomi untuk kebaikan rakyat dan negeri.

Titah baginda, pemimpin perlu berusaha untuk meningkatkan produktiviti serta daya saing, mengamalkan budaya berjimat, mengelakkan pembaziran dan mengoptimumkan penggunaan sumber.

"Harga petroleum diramalkan terus meningkat, kos pengeluaran dan harga bahan makanan serta bahan keperluan harian akan turut meningkat. Kadar inflasi yang tinggi jika berlaku akan mengurangkan kuasa beli pengguna.

"Ekonomi yang tidak berkembang atau menguncup mungkin berlaku. Akan berlakulah putaran ganas di serata dunia yang memungkinkan berlakunya kesusahan," titah baginda sempena sambutan Hari Kepu* teraan ke-80 baginda di Istana Iskandariah di sini.

Turut berangkat ialah Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun; Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, Raja Dihilir Perak, Raja Jaffar Raja Muda Musa dan Raja Puan Muda, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, dan Timbalan Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP), Datuk Seri Kalimullah Hassan.

Sultan Perak turut berkenan mengurniakan darjah dan bintang kebesaran kepada 46 penerima di Balairong Seri Istana Iskandariah di sini.

Titah baginda, kerajaan negeri yang baru di bawah kepemimpinan Mohammad Nizar mesti meneruskan usaha pembangunan yang lebih pesat.

"Masa untuk berkempen sudah berakhir dan sekarang adalah masa bekerja. Berkempen dan bekerja sangat berbeza. Segala janji hendaklah dipenuhi, segala kata perlu dikota.

"Segala fikiran, tenaga dan sumber hendaklah dijuruskan untuk memajukan negeri, terutama usaha menambah-baik praisarana, menarik pelaburan, merapatkan jurang pendapatan, membasmi kemiskinan, membangunkan modal insan dan mewujudkan peluang pekerjaan," titah baginda.

Sultan Azlan bertitah, kerajaan negeri hendaklah melaksanakan tadbir urus secara adil dan setiap rakyat wajib diberi perhatian yang saksama tanpa mengira agama, kaum, jantina, mahupun fahaman politik.

"Kerjasama dengan Kerajaan Pusat perlu dijalin, khazanah negeri

perlu diuruskan secara amanah, keamanan negeri hendaklah terjamin dan hubungan harmoni antara rakyat perlu dipupuk.

"Kepentingan negeri dan rakyat hendaklah mengatasi kepentingan politik kepartian," titah baginda.

Selain itu baginda bertitah institusi Raja perlu bijaksana memberi tafsiran kepada semangat yang terkandung dalam konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, kedua-duanya yang tidak seharusnya dijadikan instrumen menghalalkan cara jika perkara yang dinasihatkari itu sama sekali bertentangan dengan undang-undang dan bercanggah dengan prinsip Perlembagaan.

Sementara itu, Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, ketika menyampaikan titah sembah setia sempena sambutan Hari Keputeraan Ke-80 Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah, di sini, semalam, bertitah umat Islam mesti mengamalkan semangat bermaaf-maafan, memberi dan menerima, semangat musyawarah serta persaudaraan yang akan membawa kepada kata sepakat jika berlaku perselisihan pendapat.

Baginda bertitah, umat Islam perlu berpegang kepada semangat 'biduk berlalu kiambang bertaut' kerana ia mampu mengelakkan mereka daripada terus bertelagah dan berselisih sehingga akhirnya menjadi umat yang lemah.

"Islam menyeru kepada perpaduan dan amat menekankan aspek perdamaian serta mengajak umat untuk membina semangat ukhuwah di samping menjalinkan silaturahim," titah baginda.



PENGIKTIRAFAN DIRAJA: Sultan Azlan Shah menganugerahkan Darjah SPCM kepada Abdul Hamid di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, semalam.

“Kepentingan negeri dan rakyat hendaklah mengatasi kepentingan politik kepartian”

Sultan Perak
Sultan Azlan Shah